

27 JUN 2002

UMNO BAHAGIAN KUBANG PASU SOKONG PAK LAH

KUALA LUMPUR, 27 Jun (Bernama) -- Umno Bahagian Kubang Pasu hari ini membuat keputusan menyokong penuh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk memimpin parti dan kerajaan apabila Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersara selepas Oktober tahun depan.

Naib Ketuaanya Datuk Mohd Johari Baharum berkata keputusan itu dicapai dalam satu mesyuarat khas jawatankuasa bahagian yang dipengerusikan oleh beliau di Jitra, Kedah, hari ini.

"Umno Kubang Pasu telah sebulat suara bersetuju memberi sokongan penuh kepada keputusan Perdana Menteri memilih Pak Lah untuk memimpin parti dan kerajaan," katanya ketika dihubungi Bernama di sini.

Beliau berkata Umno Kubang Pasu percaya pilihan Dr Mahathir adalah yang terbaik kerana Perdana Menteri seorang yang berpengalaman dan bijak.

"Kami sedih kerana akan kehilangan Dr Mahathir sebagai pemimpin, tapi kita menerima dan menghormati keputusan beliau," katanya.

Beliau juga berharap anggota Umno khususnya di Kubang Pasu bersabar dan menerima hakikat itu.

"Kami juga akan berbesar hati sekiranya Dr Mahathir masih sudi untuk terus menjadi ketua bahagian dan anggota Parlimen Kubang Pasu," katanya.

-- BERNAMA

MUN AFY ROS